



REEZAL MERICAN (dua dari kanan) menerima taklimat tentang program pemulihan hakisan pantai daripada tenaga pengajar Universiti Malaysia Terengganu pada majlis pelancaran RPP-2 di Rhu Sepuluh, Setiu semalam.

35 unit UPZP dikenali pasti terjejas teruk

425km pantai negara diancam hakisan

Oleh **MOHD. AZLI ADLAN**

SETIU - Kajian Rancangan Fizikal Zon Persisiran Pantai Negara kedua (RPP-2) yang telah siap baru-baru ini mendapati lebih 425 kilometer (km) kawasan pantai di negara ini terdedah dengan ancaman hakisan.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican berkata, sebanyak 35 Unit Perancangan Zon Pantai (UPZP) dikenali pasti paling teruk terjejas yang dikategorikan berada pada tahap sangat tinggi bagi Indeks Kerapuhan Pantai Negara (NCVI).

"Ia meliputi 10 buah UPZP di Selangor, Kedah (enam) dan masing-masing empat di Perak dan Pahang.

"Di Terengganu ini pula, 48.7 kilometer pantai sedang menghadapi hakisan dengan 12.3 kilo-



KERATAN Kosmo! 6 Mac 2021.

meter daripadanya berada pada tahap kritikal," katanya ketika melancarkan RPP-2 di Laman Seri, Rhu Sepuluh, di sini semalam.

Beliau berkata, kajian sama juga menjangkakan lebih 20,000 hektar kawasan negara ini berhadapan dengan kenaikan aras laut menjelang 2030.

Sehubungan itu, beliau memberitahu, buat pertama kalinya NCVI telah diperkenalkan dalam RPP-2 sebagai asas pengurusan

pantai negara yang lebih mampan dan lestari.

"Penyediaan indeks ini juga menjadikan Malaysia negara pertama menyediakan NCVI bagi keseluruhan kawasan pesisir pantainya seluas lebih 3,800km.

"NCVI merupakan elemen penting RPP-2 yang akan menjadi rujukan penting pembangunan di sepanjang pesisiran pantai pada masa depan," katanya.

Reezal Merican berkata, pengurusan pesisir pantai penting untuk kelestarian alam sekitar, menjamin keselamatan penduduk, aset serta infrastruktur sekitarnya.

Beliau berkata, lima lapangan terbang, 17 jeti penumpang dan 20 jeti pendaratan ikan, lebih 1,400 menara penghantaran, 19 stesen janakuasa dan lapan buah pelabuhan terletak di pesisir pantai.